

26 NOV 1996

Mahathir-F1

MALAYSIA BEKERJASAMA DENGAN STEWART-FORD BAGI FORMULA ONE 1997

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Malaysia bekerjasama dengan pasukan lumba kereta Stewart-Ford Britain milik bekas juara dunia Jackie Stewart untuk Kejohanan Dunia Formula One tahun depan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Ini merupakan kali pertama sebuah kerajaan terlibat secara langsung dengan sukan motor dunia di peringkat paling tinggi, katanya pada satu persidangan berita yang penuh sesak di pejabatnya di sini hari ini.

Penajaan selama setahun itu akan membantu menonjolkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa dan lebih dikenali di seluruh dunia, katanya.

Persidangan berita itu menarik perhatian ramai wakil media yang menjangkakan Perdana Menteri akan mengumumkan rombakan kabinet.

Dr Mahathir tidak mendedahkan kos penajaan itu tetapi menyifatkannya sebagai satu "pelaburan" memandangkan pendedahan hebat yang akan diperolehi daripada liputan televisyen mengenai perlumbaan F-1 yang menarik 6.1 bilion penonton televisyen setahun.

"Ada sesetengah orang beranggapan Malaysia berada di China, malah di Afrika kerana Malawi di situ. Terdapat juga orang yang mengatakan Malaysia berhampiran dengan Singapura. Yang kita mahu dengar Singapura yang berdekatan dengan Malaysia," katanya.

Lambang "Visit Malaysia" dan bendera negara akan tertera di bahagian depan dan belakang kedua-dua kereta Stewart-Ford itu yang akan mengambil bahagian pada musim depan bermula dengan Grand Prix Australia di Melbourne pada Mac.

"Saya harap pasukan itu akan memenangi banyak perlumbaan dan yang lebih penting Visit Malaysia akan dapat dilihat," kata Perdana Menteri.

Dengan perkongsian kerajaan bersama Stewart-Ford dan Petronas menaja pasukan Sauber Switzerland, kini terdapat dua penyertaan Malaysia dalam siri perlumbaan kereta dunia musim depan.

Perbadanan petroleum nasional itu mengadakan kontrak lima tahun dengan Sauber tahun ini.

Penajaan kerajaan dalam pasukan F-1 itu pastinya akan meransang perancangan Malaysia menganjurkan Grand Prix sendiri pada 1999. Satu kawasan 400 hektar berhampiran Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang telah disediakan bagi pembinaan trek lumba kereta Formula One Malaysia.

Dr Mahathir berkata sirkit 5.6km itu boleh digunakan terlebih dahulu bagi pertandingan lumba kereta yang lain seperti Formula Three dan kejohanan "stock car".

Perdana Menteri telah menghadiri Grand Prix Portugal pada September dan berjumpa dengan Bernie Ecclestone, presiden Formula One Constructors Association (FOCA), yang bersetuju terhadap Malaysia menyertai sirkit dunia dan mengadakan grand prix pertamanya dalam tempoh tiga tahun lagi.

Dr Mahathir berkata selain publisiti, perkongsian F1 juga merupakan peluang bagi rakyat Malaysia memperoleh lebih banyak pengetahuan mengenai industri kereta kerana jurutera Malaysia akan bekerja bersama-sama pasukan Stewart-Ford untuk mempelajari bagaimana membina dan merekabentuk enjin kereta lumba.

Stewart, 57, yang turut hadir pada persidangan berita itu berkata komitmen Dr Mahathir terhadap teknologi tinggi kereta dan pemerolehan syarikat pengeluar kereta Britain Lotus baru-baru ini oleh syarikat Proton merupakan sesuatu yang "agak revolusioner" dalam langkah kerajaan memasuki

industri global itu.

Ditanya mengenai kos menyenggara sebuah pasukan F1, juara tiga kali dunia itu berkata ia dalam lingkungan 20 juta pound sterling (RM80 juta) setahun untuk memastikan ia kompetitif.

Stewart, yang merupakan pengerusi eksekutif Stewart Grand Prix, menandatangani memorandum persefahaman bagi kontrak penajaan itu dengan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Ismail Adam.

Turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan pengerusi Inderajaya (Asia Pacific) Sdn Bhd Tan Sri A.P.Arumugam yang mengemukakan idea menganjurkan perlumbaan Formula Three di Malaysia.

Arumugam juga menaja lambang "Visit Malaysia" bagi pasukan lumba Paul Stewart milik anak Stewart untuk musim Formula Three kini dan pasukan itu memenangi dua kejohanan Britain dan menang di GP Macau di Hong Kong dua minggu lepas.

Kereta-kereta Stewart-Ford itu akan dipandu oleh Jan Magnussen dari Denmark dan Rubens Barrichello dari Brazil dalam siri dunia tahun depan yang akan mengadakan 17 Grand Prix. -- BERNAMA

TCL MOK RON